

**PENINGKATAN KEMAHIRAN BAKAL PENSYARAH POLITEKNIK
MENERUSI KURSUS PENGURUSAN KOKURIKULUM.**

AHMAD BIN ESA

PM. DR. JAILANI BIN MD. YUNOS

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO)

BEG BERKUNCI 101

86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT

(E-mel: ahmad@KUiTTHO.edu.my)

**The Enhancement of Skills for Trainees Polytechnic Lecturer through the
Cocurriculum Management Course.**

ABSTRACT:

The purpose of this case study is to identify the improvement of skills for the future polytechnic lecturers after they had attended the Co-curriculum Management course. A total of 40 master students of Technical and Vocational Education from College University of Technology Tun Hussein Onn (KUiTTHO) involved in this study. This study is to identify the student's acceptance towards the co-curriculum management course, to know their problems during the course, proposals to enhance the effectiveness of the course and students development in terms of the skills in planning, organizational, management, making decision, leadership, evaluating, communication and management of conflict. The instrument that had been used was the questionnaires and the data had been analyzed using the SPSS program version 10. The research finding indicated that the students had given a good perception towards the Co-curriculum Management Course and they admitted that they had gained several skills through the course.

ABSTRAK:

Tujuan kajian kes ini ialah untuk mengenal pasti peningkatan kemahiran bakal pensyarah politeknik setelah mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum. Seramai 40 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO) terlibat dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap Kursus Pengurusan Kokurikulum, mengenal pasti masalah yang pelajar hadapi dalam mengikuti kursus, cadangan untuk meningkatkan keberkesanan kursus dan pembangunan pelajar daripada segi kemahiran merancang, mengorganisasi, mengurus, membuat keputusan, memimpin, mengawal, menilai, komunikasi dan menangani konflik. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik dan data diproses menggunakan Program SPSS versi 10. Dapatan kajian menunjukkan pelajar memberi persepsi yang baik terhadap Kursus Pengurusan Kokurikulum dan mereka mengakui telah memperoleh beberapa kemahiran menerusi kursus tersebut.

PENGENALAN

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh individu dan organisasi pendidikan berkaitan kokurikulum contohnya Ab. Alim Abdul Rahman (2001) telah menjalankan kajian ke atas 897 orang pelajar tingkatan 4 di sepuluh buah sekolah di Kota Baharu. Beliau mendapati wujudnya perbezaan antara tahap penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dengan pencapaian akademik. Dapatan beliau menunjukkan bahawa pelajar yang aktif dalam kokurikulum mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Sebaliknya pelajar yang kurang aktif dalam kokurikulum mempunyai pencapaian akademik yang lebih rendah. Kajian Mohammad Ikhsan (2000) pula bertujuan melihat keberkesanan aktiviti kokurikulum dalam Kursus Diploma Pengurusan Malaysia. Kajian melibatkan 218 orang guru pelatih dan 92 orang pensyarah di maktab-maktab Perguruan sekitar Kuala Lumpur. Antara dapatan kajian ialah guru-guru pelatih yang mengikuti aktiviti kokurikulum di maktab telah mendapat kemahiran pengurusan, perancangan dan pelaksanaan. Kemahiran pengurusan meliputi komunikasi lisan, menggunakan masa

secara optimum, menggunakan rekod untuk mengatasi kelemahan murid, menyimpan rekod murid, menyimpan rekod pengurusan dan mengendalikan mesyuarat manakala kemahiran perlaksanaan meliputi membimbing pelajar, mengekalkan tahap disiplin, membimbing kepimpinan murid, menyelia dan mengatasi masalah murid.

Selain daripada itu, Mohd. Lotpi Razali (1997) telah membuat kajian berkaitan dengan kesan aktiviti kokurikulum ke atas peribadi pelajar. Kajian telah dijalankan di empat buah sekolah di tiga daerah negeri Perak yang melibatkan 200 orang pelajar sebagai responden. Dapatan kajian beliau menunjukkan kokurikulum memberi kesan positif kepada pelajar seperti pelajar lebih berdisiplin, bertanggungjawab, berkerjasama, amanah, jujur, dedikasi, berdikari, bermotivasi, berkeyakinan dan berani. Kajian yang dijalankan oleh Mashitah Ghazali (1995), pula mendapati wujud hubungan yang positif antara tahap penglibatan pelajar dengan daya kepimpinan pelajar iaitu penglibatan pelajar yang sangat aktif dalam kegiatan kokurikulum sememangnya dapat memupuk dan membina daya kepimpinan seseorang pelajar. Kajian tersebut melibatkan 200 orang pelajar di sebuah sekolah di negeri Kedah.

Di luar negara pula berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Chaminade (2003), berkaitan kepuasan pelajar daripada kegiatan kokurikulum pada 1995, 1998 dan 1999, mereka telah memperbaiki kualiti aktiviti kokurikulum antaranya daripada segi kepimpinan pelajar. Antara aspek yang diberi penekanan ialah kerja berpasukan, asas komunikasi, pembangunan diri pelajar, perkhidmatan pelanggan, kaunseling kumpulan, kumpulan dinamik, pengurusan stress, kemahiran komunikasi dan pengurusan konflik. Barak dan Maymon (1998) pula telah melaksanakan satu kajian terhadap aktiviti kokurikulum yang melibatkan kerjasama kumpulan berdasarkan projek teknologi iaitu *A hot-air ballon envelop*. Seramai 172 pelajar yang dibahagikan kepada 45 kumpulan telah terlibat dalam kajian tersebut. Antara hasil kajian yang didapati ialah pelajar lebih bermotivasi untuk mencapai matlamat kerana minat yang mendalam, berasa tercabar, melaksanakan kerja yang praktikal, mengendalikan produk yang menarik, perubahan iklim bilik darjah, wujudnya interaksi pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti kokurikulum boleh membawa manfaat kepada mereka yang mengikutinya. Seperti yang ditegaskan oleh Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002), aktiviti kokurikulum dapat memberikan latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar. Oleh itu, adalah menjadi harapan kepada pengkaji untuk melanjutkan kajian berkaitan dengan kokurikulum, terutamanya dalam konteks keberkesanan Kursus Pengurusan Kokurikulum yang dijalankan ke atas sekumpulan bakal pensyarah politeknik dan melihat kemahiran-kemahiran yang mereka perolehi setelah mengikuti kursus tersebut.

LATAR KAJIAN

Kursus Pengurusan Kokurikulum baru sahaja diperkenalkan kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasioal iaitu pada semester 1 sesi 2002/2003 . Matlamat utama kursus tersebut ialah melahirkan individu pendidik yang mampu merancang, mengurus, memimpin, mengawal dan menilai aktiviti kokurikulum di politeknik-politeknik seluruh Malaysia. Justifikasi kursus diperkenalkan kerana di politeknik-politeknik kegiatan kokurikulum telahpun diwajibkan kepada pelajar pada penghujung tahun 2000. Selain daripada itu, kursus tersebut juga diperkenalkan ekoran daripada maklum balas daripada satu kajian berkaitan penguasaan kemahiran-kemahiran umum bekas pelajar KUiTTHO yang sedang bertugas di politeknik-politeknik Malaysia (KUiTTHO, 2001).

Berdasarkan justifikasi tersebut adalah bersesuaian pelajar-pelajar sarjana tersebut yang bakal menjawat jawatan pensyarah di politeknik-politeknik diperkenalkan dengan Kursus Pengurusan kokurikulum. Di samping itu, adalah diharapkan menerusi kursus tersebut beberapa aspek kemahiran lain dapat dipelajari oleh pelajar untuk membentuk personaliti pendidik yang berketrampilan dan memenuhi tuntutan profesion pendidikan. Ini adalah kerana selain bakal-bakal pensyarah politeknik tersebut didedahkan dengan

aspek teori, kursus yang mereka ikuti lebih menjurus kepada latihan praktik dan pada sesi latihan tersebut mereka berpeluang mempelajari beberapa kemahiran tertentu menerusi dua peranan utama yang ditetapkan oleh pensyarah. Peranan pertama, mereka berpeluang memainkan watak ahli jawatankuasa kokurikulum dan peranan kedua, mereka berpeluang memainkan watak ahli dalam kegiatan kokurikulum. Lima jenis kegiatan telah ditetapkan oleh pensyarah untuk dilaksanakan secara simulasi oleh pelajar iaitu kelab, sukan, permainan, persatuan dan badan beruniform.

Berdasarkan fakta yang dikemukakan, maka penyelidikan ini dijalankan sebagai satu inisiatif untuk melihat maklum balas pelajar terhadap Kursus Pengurusan Kokurikulum terutamanya dalam konteks kursus tersebut buat julung kalinya dilaksanakan kepada pelajar peringkat Sarjana di KUiTTTHO dan melihat sejauh mana mereka memperoleh kemahiran-kemahiran umum yang dapat membantu mereka apabila berkhidmat di politeknik-politeknik atau institusi pendidikan yang lain di Malaysia

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut,

- a) Mengenal pasti persepsi bakal-bakal pensyarah politeknik terhadap Kurikulum Kursus Pengurusan Kokurikulum yang dilaksanakan di KUiTTTHO.
- b) Mengenal pasti masalah-masalah yang mereka hadapi apabila mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum.
- c) Mengenal pasti kemahiran-kemahiran tertentu yang mereka perolehi setelah mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum.

METODE KAJIAN

Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah kajian kes yang melibatkan 40 orang bakal pensyarah politeknik yang mengikuti kursus Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO pada semester 2 sesi 2002/2003.

Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan konsep dan pandangan yang dikemukakan oleh Callan (2003), Dawe (2002), Kearns (2001), Ab. Alim Abdul Rahim (1999), De Leon dan Borchers (1998), Jackson (1997), Stoner dan Wankel (1997), Velde (1997), Omardin Ashaari (1996), Cascio (1995), Raggat (1995), Al Ramaiah (1992), Mustafa Daud (1994a), Mustafa Daud (1994b) dan Upward (1989). Jenis Item yang digunakan dalam soal selidik ialah item terbuka dan tertutup. Bagi item tertutup Skala Likert (1 hingga 5) digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan. Perincian skala tersebut seperti dalam jadual berikut,

Jadual 1 : Skala Likert

Skala	Tafsiran
1	Sangat tidak bersetuju
2	Tidak bersetuju
3	Kurang bersetuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Hasil analisis ujian *Reliability Analysis –Scale Alpa* menggunakan program SPSS (versi 10) bagi kesemua item ialah 0.9341. Oleh itu adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Jadual berikut menunjukkan nilai alfa bagi setiap bahagian dalam soal selidik.

Jadual 2 : Hasil analisis ujian *Reliability Analysis –Scale Alpa*

Bahagian	Nilai alfa
Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Pengurusan Kokurikulum	0.7750
Masalah Yang Dihadapi Dalam Mengikuti Kursus Pengurusan	0.6633

Kokurikulum	
Kemahiran Perancangan	0.7631
Kemahiran Mengorganisasi	0.7832
Kemahiran Mengurus	0.7957
Kemahiran Membuat Keputusan	0.8570
Kemahiran Memimpin	0.7856
Kemahiran Menilai	0.7561
Kemahiran Komunikasi	0.8435
Kemahiran Menangani Konflik	0.8055
Kemahiran Mengawal	0.8911
Item Keseluruhan	0.9341

Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai bagi memenuhi objektif yang ditetapkan. Tafsiran statistik min yang digunakan diubah suai daripada Lendal (1997) iaitu nilai min 1.0 hingga 2.3 = tidak bersetuju, 2.4 hingga 3.7 = kurang bersetuju dan 3.8 hingga 5 = bersetuju).

ANALISIS DATA

a) Penerimaan Pelajar Terhadap Kurikulum Pengurusan Kokurikulum.

Jadual 3: Analisis Min Penerimaan Pelajar Terhadap Kurikulum Pengurusan Kokurikulum.

Item	Min	Sisihan Piawai
Kandungan kursus mencukupi.	3.80	0.69
Kandungan kursus sesuai.	3.90	0.67
Aktiviti yang dijalankan praktikal.	3.80	0.97

Teori yang diajar mencukupi.	3.75	0.67
Objektif kursus relevan dengan situasi pendidikan semasa.	3.93	0.57
Kemudahan untuk menjalankan aktiviti memuaskan.	3.38	0.95
Jam pertemuan mencukupi.	3.88	0.65
Tugasan yang diberi relevan dengan objektif kursus.	3.90	0.71
Penilaian yang dijalankan berbentuk komprehensif.	3.92	0.57
Tenaga pensyarah adalah berkelayakan.	4.25	0.71
Min keseluruhan	3.85	0.42

Merujuk kepada Jadual 3, didapati responden memberi maklum balas positif terhadap lapan daripada sepuluh item yang dikemukakan dengan min berada di antara 3.80 hingga 4.25. Mereka hanya kurang bersetuju terhadap dua item iaitu teori yang diajar adalah mencukupi (min 3.75) dan kemudahan untuk menjalankan aktiviti memuaskan (min 3.38). Min keseluruhan ialah 3.85 dan ini menunjukkan responden secara keseluruhannya bersetuju dengan Kurikulum Pengurusan Kokurikulum yang dijalankan. Nilai Sisihan piawai ialah 0.42 dan ini bererti maklum balas responden terhadap item yang dikemukakan adalah terfokus.

b) Masalah Yang Dihadapi Dalam Mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum.

Jadual 4: Analisis Min Masalah Yang Dihadapi Dalam Mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum.

Item	Min	Sisihan Piawai
Kurang berminat terhadap Kursus Pengurusan Kokurikulum.	2.57	0.93
Sumber Kewangan yang tidak mencukupi.	4.15	0.98
Kemudahan infrastruktur yang tidak lengkap.	3.68	1.02
Tidak mendapat kerjasama daripada rakan-rakan.	2.80	1.22
Tidak mendapat kerjasama daripada pensyarah.	2.40	0.90
Min keseluruhan	3.12	0.67

Min keseluruhan di dalam Jadual 4 di atas ialah 3.12 dan ini menunjukkan responden kurang berhadapan dengan masalah apabila mengikuti kelas Pengurusan Kokurikulum mengikut item-item yang disenaraikan. Didapati terdapat dua item mempunyai nilai sisihan piawai melebihi nilai 1 yang menunjukkan maklum balas responden adalah tidak terfokus terhadap kedua-kedua item tersebut. Masalah yang dihadapi oleh responden dengan nilai min 4.15 ialah sumber kewangan yang tidak mencukupi. Masalah – masalah lain yang dikemukakan kurang dipersetujui oleh responden iaitu dengan min berada di antara 2.40 hingga 3.68.

c) Kemahiran Yang Diperolehi Daripada Mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum.

i) Kemahiran Perancangan.

Jadual 5: Analisis Min Kemahiran Perancangan.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya belajar menetapkan matlamat aktiviti yang dirancang.	3.90	0.50
Saya belajar menetapkan objektif aktiviti yang dirancang.	4.00	0.32
Saya terlibat dalam menyusun program aktiviti yang dirancang.	3.95	0.60
Saya terbabit dalam menyusun strategi aktiviti yang dirancang.	3.93	0.66
Saya berlatih untuk mengoptimumkan sumber yang ada.	3.98	0.73
Min Keseluruhan	3.95	0.41

Daripada Jadual 5 di atas, item yang paling tinggi mendapat persetujuan responden ialah berkaitan responden belajar menetapkan objektif aktiviti yang dirancang dengan min 4.00. Item-item lain juga mendapat persetujuan daripada responden berdasarkan nilai min berada dalam lingkungan 3.90 hingga 3.95. Min keseluruhan ialah 3.95, menunjukkan responden bersetuju mereka didedahkan dengan kemahiran perancangan dalam Kursus Pengurusan Kokurikulum. Maklum balas responden adalah terfokus berdasarkan nilai sisihan piawai bagi setiap item berada di bawah nilai 1.

ii) Kemahiran Mengorganisasi.

Jadual 6: Analisis Min Kemahiran Mengorganisasi.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya berpeluang bekerja dalam persekitaran sebuah organisasi rasmi.	3.93	0.73
Belajar menentukan bentuk organisasi yang sesuai dengan aktiviti.	4.00	0.64
Saya berpeluang melakukan pengagihan tugasan.	3.88	0.69
Saya belajar mengenal pasti kekuatan organisasi.	3.93	0.47
Saya belajar mengenal pasti kelemahan organisasi.	4.00	0.51
Min Keseluruhan	3.94	0.45

Merujuk kepada Jadual 6, didapati min keseluruhan ialah 3.94 dan ini menunjukkan responden bersetuju mereka memperoleh kemahiran mengorganisasi daripada Kursus Pengurusan Kokurikulum. Item berkaitan responden belajar menentukan bentuk organisasi dan mengenal pasti kelemahan organisasi merupakan item-item yang mendapat persetujuan yang paling tinggi di kalangan responden. Tiga item yang lain juga dipersetujui oleh responden berdasarkan nilai min yang diperoleh melebihi 3.80. Kesemua item mempunyai nilai sisihan piawai di bawah nilai 1 dan ini bererti kecenderungan responden bagi setiap item adalah terfokus.

iii) Kemahiran Mengurus.

Jadual 7: Analisis Min Kemahiran Mengurus.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya belajar mengurus kewangan dalam melaksana aktiviti.	3.70	0.82

Saya berpeluang mengurus sumber tenaga manusia.	3.80	0.72
Saya berlatih mengurus peralatan yang digunakan dalam aktiviti.	3.80	0.61
Saya belajar mengurus sistem fail.	3.68	0.66
Saya belajar mengurus masa ketika melaksanakan aktiviti.	4.13	0.46
Min Keseluruhan	3.82	0.49

Jadual 7 menunjukkan empat daripada lima item yang dikemukakan berkaitan kemahiran mengurus yang dipelajari menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum mempunyai nilai min melebihi 3.80 dan ini menunjukkan responden bersetuju terhadap empat pernyataan tersebut. Responden kurang bersetuju terhadap pernyataan yang berkaitan dengan mereka belajar mengurus kewangan apabila melaksanakan aktiviti dengan nilai min 3.70. Jawapan responden adalah terfokus bagi setiap item yang dikemukakan berdasarkan nilai sisihan piawai bagi setiap item berada di bawah nilai 1.

iv) Kemahiran Membuat Keputusan.

Jadual 8: Analisis Min Kemahiran Membuat Keputusan.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya berlatih menyelidiki situasi dalam membuat keputusan.	4.00	0.39
Belajar membentuk alternatif dalam membuat keputusan.	4.13	0.40
Belajar memilih alternatif terbaik dalam membuat keputusan.	4.05	0.50
Saya menjadi berani dalam membuat keputusan.	4.05	0.64
Saya berlatih membuat keputusan berdasarkan fakta.	4.05	0.64
Min Keseluruhan	4.05	0.42

Berdasarkan Jadual 8, didapati kesemua pernyataan mempunyai nilai min melebihi 3.80 termasuk min keseluruhan. Ini menunjukkan tindak balas responden terhadap kenyataan mereka mempelajari kemahiran membuat keputusan menerusi Kursus

Pengurusan Kokurikulum adalah positif. Maklum balas responden adalah terfokus bagi setiap pernyataan yang dikemukakan berdasarkan nilai sisihan piawai berada di bawah nilai satu.

v) Kemahiran Memimpin.

Jadual 9: Analisis Min Kemahiran Memimpin.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya berpeluang menerima pengalaman melakukan arahan.	4.10	0.59
Saya belajar menjadi teladan kepada orang bawahan.	4.10	0.50
Saya boleh memberi pengaruh positif kepada rakan sebaya.	3.95	0.75
Saya berlatih menggunakan kuasa yang diberi dengan betul.	4.08	0.62
Saya menimba pengalaman untuk berfikiran terbuka.	4.20	0.46
Min Keseluruhan	4.08	0.43

Berpandukan Jadual 9, min keseluruhan yang diperoleh ialah 4.08 dan ini bererti responden bersetuju mereka dapat memperoleh kemahiran memimpin apabila mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum. Nilai sisihan piawai keseluruhan ialah 0.43 dan ini bererti maklum balas responden adalah terfokus bagi setiap item yang dikemukakan berkaitan kemahiran memimpin.

vi) Kemahiran Menilai.

Jadual 10: Analisis Min Kemahiran Menilai.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya berpeluang menilai diri sendiri.	4.18	0.59
Saya berpeluang menilai diri orang lain.	3.88	0.65

Menimba pengalaman melakukan penilaian aktiviti yang dijalankan.	4.15	0.53
Saya belajar melakukan penilaian secara tepat.	4.05	0.45
Saya berpeluang melakukan penilaian dengan adil.	4.05	0.45
Min Keseluruhan	4.06	0.38

Melihat kepada Jadual 10, didapati kesemua item dan min keseluruhan mempunyai nilai yang melebihi 3.80 dan ini menunjukkan responden bersetuju bahawa menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum mereka mempelajari kemahiran menilai. Nilai sisihan sisihan piawai adalah kurang daripada 1 dan ini menunjukkan persepsi responden adalah tertumpu kepada skala bersetuju terhadap setiap item yang dikemukakan.

vii) Kemahiran Komunikasi.

Jadual 11: Analisis Min Kemahiran Komunikasi.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya belajar bercakap di hadapan orang ramai.	4.20	0.61
Saya belajar menulis dokumen rasmi.	4.00	0.64
Saya berlatih menjadi pendengar yang baik.	4.05	0.45
Saya belajar menyampaikan maklumat dengan tepat.	4.05	0.55
Saya belajar menyampaikan maklumat secara sistematik.	4.05	0.60
Min Keseluruhan	4.07	0.45

Responden bersetuju mereka mempelajari kemahiran komunikasi apabila mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum. Ini adalah berdasarkan nilai min keseluruhan dan setiap item di dalam Jadual 11 di atas mempunyai nilai min melebihi 3.80. Jawapan responden adalah terfokus bagi setiap item yang dikemukakan berdasarkan nilai sisihan piawai yang diperolehi di bawah nilai satu.

viii) Kemahiran Menangani Konflik.

Jadual 12: Analisis Min Kemahiran Menangani Konflik.

Item	Min	Sisihan Piawai
Menerusi aktiviti yang dijalankan saya belajar mengenal pasti konflik.	4.13	0.69
Saya didedahkan dengan situasi konflik yang membina organisasi.	4.07	0.62
Saya sedar terdapatnya konflik yang boleh merugikan organisasi.	4.05	0.60
Saya belajar menangani konflik menerusi rundingan.	4.13	0.65
Saya belajar mengatasi konflik melalui siasatan.	3.93	0.76
Min Keseluruhan	4.06	0.49

Daripada Jadual 12 di atas, didapati kesemua pernyataan mempunyai nilai min melebihi 3.80 termasuk min keseluruhan. Ini menunjukkan tindak balas responden terhadap mereka memperoleh kemahiran menangani konflik melalui Kursus Pengurusan Kokurikulum adalah positif. Maklum balas responden adalah terfokus bagi setiap pernyataan yang dikemukakan berdasarkan nilai sisihan piawai adalah di bawah nilai satu.

ix) Kemahiran Mengawal.

Jadual 13: Analisis Min Kemahiran Mengawal.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya belajar menetapkan piawaian dalam aktiviti yang dijalankan.	3.85	0.66

Saya sentiasa mengukur prestasi kerja semasa.	3.92	0.57
Saya belajar mengambil tindakan untuk membaiki keadaan.	4.18	0.64
Saya belajar memastikan setiap ahli menuju ke arah satu matlamat.	4.23	0.62
Saya belajar memantau perkembangan perancangan mengikut jadual.	4.08	0.53
Min Keseluruhan	4.05	0.50

Daripada Jadual 13 di atas, item yang paling tinggi mendapat persetujuan responden ialah berkaitan responden belajar memastikan setiap ahli menuju ke arah satu matlamat dengan min 4.18. Item-item lain juga mendapat persetujuan daripada responden berdasarkan nilai min berada dalam lingkungan 3.85 hingga 4.18. Min keseluruhan ialah 4.05, menunjukkan responden bersetuju mereka didedahkan dengan kemahiran mengawal dalam kursus Pengurusan Kokurikulum. Maklum balas responden adalah terfokus berdasarkan nilai sisihan piawai bagi setiap item berada di bawah nilai 1.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis data yang dijalankan, jelas menunjukkan bakal-bakal pensyarah politeknik menerima dengan baik Kurikulum Kursus Pengurusan Kokurikulum yang dilaksanakan di KUiTTHO. Mereka juga kurang bersetuju dengan masalah-masalah yang dikemukakan dalam soal selidik ketika mengikuti kursus tersebut melainkan masalah berkaitan dengan sumber kewangan. Walau bagaimanapun daripada segi cadangan untuk meningkatkan kualiti Kursus Pengurusan Kokurikulum, dua cadangan yang popular dikemukakan selain daripada pihak universiti memperuntukan sumber kewangan ialah pihak universiti juga perlu menambah kemudahan infrastruktur dan perlatan dan menambah jam pertemuan. Merujuk kepada kemahiran-kemahiran yang diperolehi setelah mengikuti Kursus Pengurusan Kokuirkulum, jelas menunjukkan bakal-bakal pensyarah politeknik telah mendapat manfaat daripada mengikuti kursus tersebut. Mereka bersetuju telah menerima beberapa kemahiran seperti di dalam Jadual di bawah,

Jadual 12: Kemahiran-Kemahiran Yang Diperolehi Menerusi Kursus Pengurusan Kokuikulum.

KEMAHIRAN	Min
Memimpin	4.08
Komunikasi	4.07
Menilai	4.06
Menangani Konflik	4.06
Mengawal	4.05
Membuat Keputusan	4.05
Merancang	3.95
Mengorganisasi	3.94
Mengurus	3.82

Daripada Jadual 12, didapati kemahiran yang paling tinggi diperolehi oleh bakal-bakal pensyarah politeknik setelah mengikuti Kursus Pengurusan Kokurikulum ialah kemahiran memimpin. Dapatan tersebut selari dengan kajian-kajian dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan berkaitan kokurikulum khususnya kajian yang dijalankan oleh Mashitah Ghazali (1995) dan Mohamad Hamidi Abdul Hamid (2002) berkaitan hubungan kokurikulum dengan kepimpinan. Dapatan kajian juga menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohammad Ikhsan (2000) iaitu aktiviti kokurikulum membolehkan individu memperoleh kemahiran pengurusan, perancangan dan pelaksanaan. Oleh itu, sewajarnya Kursus Pengurusan Kokurikulum diperkenalkan oleh pihak KUiTTTHO kepada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Ini kerana bukan sahaja kursus tersebut dapat memberi input pengetahuan kepada mereka untuk mengendalikan kokurikulum di politeknik-politeknik apabila mereka menjadi pensyarah kelak tetapi kursus tersebut juga dapat meningkatkan kemahiran-kemahiran tertentu bagi membina kualiti pensyarah yang bertrampilan dan memenuhi tuntutan profesion pendidikan.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Alim Abdul Rahim (2001). "Hubungan Antara Tahap Penyertaan Kokurikulum Pelajar, Pencapaian Akademik Dan Penghargaan Kendiri." Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Al Ramaiah (1992). "Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini." Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Barak, M dan Maymon. T. (1998). "Aspects of Teamwork Observed in Technological Task in Junior High Schools." *Journal of Technology Education*. Vol. 9. N.2. M.s. 1-16.
- Callan, V. J. (2003). "Generic Skills: Understanding Vocational Education and Training Teacher and Student Attitudes." Kensington Road: NCVER.
- Cascio, W. F. (1995). "Managing Human Resources." New York: McGraw-Hill, Inc..
- Dawe, S. (2002)
- KUiTTHO (2001). "Laporan Soal Selidik Graduan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Dari Sudut Pandangan Pihak Pengurusan Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia." Tidak diterbitkan.
- Lendal K. (1997). "Management by Menu." London: Wiley and Sons Inco..
- Mashitah Ghazali (1995). "Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah Membantu Membina Daya Kepimpinan Di Kalangan Pelajar Menengah Atas Kolej Sultan Hamid." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana Sains (Pengurusan).

Mohammad Ikhsan (2000). “Keberkesanan Komponen Aktiviti Kokurikulum Dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia Di Maktab Perguruan Sekitar Kuala Lumpur: Satu Kajian Awal. Jurnal Teknokrat II. M.s. 1- 18.

Mohd. Lotpi Razali (1997). “Kesan Aktiviti Kokurikulum Ke atas Peribadi Pelajar (Satu Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Larut, Matang Dan Selama, Perak).” Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana Sains (Pengurusan).

Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). “Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan.” Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). “Kokurikulum Peranan Dan Implikasi.” Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd..

Universiti Chaminade. “Standard Seven: Student Services and the Co-Curricular Learning Environment.” Honolulu: Universiti Chaminade.